



جابتن حال احوال اڪام اسلام فولاو فينڠ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG
LEBUH PANTAI
10300 PULAU PINANG



TELEFON : 04-684 7000
FAKSIMILI : 04-684 7777
<http://jaipp.penang.gov.my>

Ruj. Kami : JHEAIPP.PMS. 100-1/9/2 Jld.2 (16)

Tarikh 21 Syaaban 1443H

24 Mac 2022M

Semua Pengerusi Kariah Masjid
Negeri Pulau Pinang

Semua Pengerusi Masjid Ghair Jamek
Negeri Pulau Pinang

Semua Pengerusi Surau Jumaat
Negeri Pulau Pinang

Semua Pengerusi Surau
Negeri Pulau Pinang

YBhg. Tan Sri / Dato' / Tuan,

**PEKELILING GARIS PANDUAN TATACARA AKTIVITI KEAGAMAAN MASJID
DAN SURAU SELURUH NEGERI PULAU PINANG BAGI FASA PERALIHAN KE
ENDEMIK COVID-19.**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Jabatan ini telah mengambil maklum mengenai Sidang Media Khas Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia pada 08 Mac 2022 bahawa Malaysia akan memasuki Fasa Peralihan Endemik bermula 1 April 2022 dan aktiviti solat berjemaah di masjid dan surau boleh dilaksanakan tanpa penjarakan fizikal.

3. Sukacita dimaklumkan bahawa, Jabatan ini melalui perbincangan khas bersama YB Dato' Ir, Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang dengan mengambil kira pandangan Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd. Noor, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Y.Bhg. Dato' Samsudin bin Bakar, Setiausaha Majlis Agama Islam Pulau Pinang pada 23 Mac 2022 memutuskan seperti berikut:

- i. Memberi kebenaran hadir ke masjid dan **surau tanpa mengira had umur** bagi yang telah menerima 2 (dua) dos vaksinasi Covid-19. Manakala kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah yang belum menerima vaksin, mereka perlu ditemani oleh ibubapa atau penjaga yang telah lengkap menerima 2 dos vaksin.
- ii. Memberi kebenaran pelaksanaan solat berjemaah **tanpa penjarakan fizikal**;

Ruj. Kami : JHEAIPP.PMS. 100-1/9/2 Jld.2 (16)

Tarikh 21 Syaaban 1443H
Mac 2022M

24

- iii. Memberi kebenaran melaksanakan Solat Sunat Tarawih 8 rakaat. Walau bagaimanapun **Solat Sunat Tarawih sebanyak 20 rakaat adalah digalakkan;**
- iv. Memberi kebenaran kepada **semua aktiviti pengimarahannya** termasuklah majlis berbuka puasa, moreh, sahur, tadarus Al-Quran, qiamullail, serta kutipan zakat fitrah secara bersemuka;
- v. Memberi kebenaran untuk melaungkan **takbir hari raya pada malam 1 Syawal sehingga 1 jam selepas selesainya solat Isyak;**
- vi. Memberi kebenaran kepada semua **aktiviti sempena sambutan hari raya Aidil Fitri** termasuklah mendirikan Solat Sunat Hari Raya Aidil Fitri, majlis jamuan hari raya dan ziarah kubur; dan
- vii. **Penggunaan air kolah masjid / surau bagi tujuan mengambil wuduk oleh para jemaah adalah dibenarkan.**

4. Sehubungan itu, pihak YBhg. Tan Sri / Dato' / Tuan hendaklah mematuhi arahan di atas dan juga memastikan bahawa semua ahli kariah masing-masing mendapat maklumat semasa dan turut mematuhi. Bersama ini juga disertakan Garis Panduan Tatacara Aktiviti Keagamaan Di Masjid Dan Surau Seluruh Negeri Pulau Pinang Bagi Fasa Peralihan Endemik Covid-19 seperti di **Lampiran A**.


5. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai Solat Subuh 1 April 2022M bersamaan 29 Syaaban 1443H sehingga arahan baharu dikeluarkan oleh jabatan tertakluk kepada perubahan arahan oleh pihak kerajaan dari semasa ke semasa atau sehingga satu tempoh diisytiharkan keadaan kembali selamat oleh pihak Kerajaan Malaysia.

Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri / Dato' / Tuan mengenai perkara ini adalah amat dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD ZAKUAN BIN HAJI ZAKARIA)
Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang

s.k.

Y.B. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman
Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang
Pejabat Pengerusi J/K MMK Hal Ehwal Agama, Koperasi
dan Pemerkasaan Komuniti Negeri
Tingkat 52, KOMTAR
10503 Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Tingkat 25, KOMTAR
10503 Pulau Pinang.

Y.Bhg. S.S Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Jabatan Mufti Negeri
Tingkat 48, KOMTAR
10000 Pulau Pinang.

Y.Bhg. Dato' Mohd Shuhaily bin Mohd Zain
Ketua Polis Negeri Pulau Pinang
Pejabat Ketua Polis Negeri
Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri
Jalan Penang
10760 Pulau Pinang.

Y.Bhg. Dato' Dr. Asmayani bin Khalib
Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri
Jalan Resideni
10450 Pulau Pinang.

Y.Bhg. Encik Nazrul Fazami bin Mohamad
Pengarah Keselamatan Negeri
Majlis Keselamatan Negara
Jabatan Perdana Menteri
Tingkat 2, Bangunan MARA
No. 33, Pengkalan Weld
10300 Pulau Pinang.

Y.Bhg. Encik Mohd Abdul Rahman bin Ismail
Setiausaha Sulit Kepada
T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang
Pejabat Yang di-Pertua Negeri
Seri Mutiara, Jalan Utama
10500 Pulau Pinang.

Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah
Negeri Pulau Pinang.

Imam Besar
Masjid Negeri Pulau Pinang
Jalan Air Itam
11400 Pulau Pinang.

Imam Utama
Masjid Abdullah Fahim
Bertam Perdana
Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir
13200 Kepala Batas.

Imam Utama
Masjid Daerah Seberang Perai Utara
Teluk Air Tawar
13050 Butterworth.

Imam Utama
Masjid Daerah Seberang Perai Tengah
Jalan Perda Utama
Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam.

Imam Utama
Masjid Daerah Seberang Perai Selatan
Sungai Jawi
14200 Nibong Tebal.

Imam Utama
Masjid Daerah Barat Daya
Jalan Genting
11000 Balik Pulau.

**GARIS PANDUAN
TATACARA AKTIVITI KEAGAMAAN DI MASJID DAN SURAU
SELURUH NEGERI PULAU PINANG BAGI FASA PERALIHAN
ENDEMIK COVID-19**

1. TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan ini bertujuan sebagai panduan dan rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam pengurusan dan perkhidmatan masjid dan surau seluruh Negeri Pulau Pinang mengenai Tatacara aktiviti keagamaan di masjid dan surau bagi Fasa Peralihan Endemik Covid-19; dan
- 1.2 Garis Panduan ini juga bertujuan mengurangkan risiko penularan wabak penyakit, menetapkan langkah-langkah pencegahan dan keselamatan bagi mengelakkan kesihatan awam terjejas.

2. PELAKSANAAN SOLAT BERJEMAAH

- 2.1 Jemaah dibenarkan hadir ke masjid / surau tanpa mengira had umur bagi yang telah menerima 2 (dua) dos vaksinasi Covid-19. Manakala kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah yang belum menerima vaksin, mereka perlu ditemani oleh ibubapa atau penjaga yang telah lengkap menerima 2 dos vaksin;

- 2.2 Jemaah dibenarkan untuk merapatkan saf tanpa penjarakan fizikal ketika solat berjemaah. Jemaah amat digalakkan untuk membawa dan menggunakan sejadah sendiri;
- 2.3 Solat Sunat Tarawih dibenarkan pelaksanaannya sebanyak 8 rakaat, walau bagaimanapun digalakkan untuk melaksanakannya sebanyak 20 rakaat. Tazkirah semasa solat sunat Tarawih adalah dibenarkan tetapi tidak melebihi 10 minit; dan
- 2.4 Aktiviti qiamullail dan iktikaf dibenarkan di masjid dan surau tertakluk kepada Perkara 2.1 dan 2.2.

3. PELAKSANAAN AKTIVITI MASJID SELAIN IBADAH SOLAT

- 3.1 Semua aktiviti pengimarahannya masjid seperti kuliah subuh, kuliah dhuha, kuliah maghrib, kelas pengajian, tadarus Al-Quran serta majlis akad nikah / bantuan kebajikan / khidmat nasihat adalah dibenarkan;
- 3.2 Aktiviti jamuan seperti majlis berbuka puasa, moreh, sahur dan jamuan hari raya di masjid dan surau dibenarkan secara *buffet* atau layan diri dengan kawalan sendiri. Walau bagaimanapun penyediaan makanan secara bungkus amat digalakkan;
- 3.3 Kutipan zakat fitrah secara bersemuka dibenarkan di masjid dan surau;

- 3.4 Takbir Hari Raya Aidilfitri dibenarkan di masjid dan surau pada malam 1 Syawal hingga 1 jam selepas solat Isyak. Manakala takbir dari rumah ke rumah adalah turut dibenarkan dengan kawalan sendiri;
- 3.5 Solat sunat Hari raya Aidilfitri adalah dibenarkan;
- 3.6 Aktiviti ziarah kubur turut dibenarkan di masjid dan surau;
- 3.7 Bagi aktiviti ekonomi seperti pasar tani, bazar Ramadan dan bazar Syawal di perkarangan masjid dan surau, ianya adalah dibenarkan tertakluk kepada Garis Panduan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Pihak Berkuasa Tempatan; dan
- 3.8 Penggunaan air kolah masjid / surau bagi tujuan mengambil wuduk oleh para jemaah turut dibenarkan.

4. PEMATUHAN STANDARD OPERATING PROCEDURE (S.O.P) YANG DIPERKETATKAN

- 4.1 Keputusan tiada penjarakan fizikal hanya terpakai untuk solat berjemaah sahaja. Penjarakan fizikal dengan jarak yang bersesuaian bagi aktiviti masjid dan surau selain solat berjemaah masih perlu dilaksanakan;

- 4.2 Pemakaian pelitup muka, pendaftaran kemasukan menggunakan MySejahtera dan penggunaan cecair sanitasi masih diwajibkan;
- 4.3 Jemaah yang hadir hendaklah tidak mempunyai sebarang gejala Covid-19 seperti demam, batuk, sakit tekak, sesak nafas, selsema, berpenyakit kronik atau yang seumpamanya dan suhu badan tidak melebihi 37.5 C; dan
- 4.4 Jemaah yang mempunyai hubungan kontak rapat positif Covid19 atau dalam tempoh kuarantin yang diarahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah tidak dibenarkan hadir ke masjid / surau.

5. PANDUAN AM

- 5.1 Pegawai Jabatan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan RELA akan terus bertanggungjawab melaksanakan aktiviti pemantauan terhadap pematuhan Garis Panduan ini; dan
- 5.2 Pelaksanaan solat jumaat secara sementara yang telah diberikan kepada surau-surau di dalam Negeri Pulau Pinang ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN) **boleh diteruskan sehingga ke satu tempoh yang akan dimaklumkan kelak.**

6. PENGUATKUASAAN

Garis Panduan ini adalah berkuatkuasa mulai **1 April 2022**
(Jumaat) bersamaan 29 Syaaban 1443H.

Pengarah,

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

24 Mac 2022M bersamaan 21 Syaaban 1443H